



JABATAN KHIDMAT KORPORAT
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
MENARA HASIL ARAS 13
PERSIARAN RIMBA PERMAI
CYBER 8,
63000 CYBERJAYA
SELANGOR

Telefon : 03-8313 8888
Faks : 03-8313 7836
Laman web: <http://www.hasil.gov.my>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LHDN.01/39.1/180/1

Tarikh : 18 Disember 2014

Ketua Pengarang,
Harian Metro
Tingkat 4 Balai Berita
31 Jalan Riong Bangsar
59100 Kuala Lumpur

Tuan,

ADUAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin merujuk kepada keratan akhbar Harian Metro ruangan surat bertarikh 18 Disember 2014 mengenai "KEPADA" oleh pengadu yang menamakan dirinya sebagai GENGJALAN.

2. Terlebih dahulu pihak kami mengucapkan terima kasih kepada pengadu atas maklum balas berhubung perkara ini. Pihak kami memohon maaf dan turut berasa kesal dengan kesulitan yang dialami oleh beliau dalam mendapatkan perkhidmatan daripada Pusat Khidmat Hasil (PKH) kami di Kemaman.

3. Dalam kes beliau, mohon kerjasama untuk memajukan maklumat aduan yang lengkap seperti tarikh, masa dan jenis urusan agar siasatan dan tindakan lanjut dapat diambil. Maklumat ini boleh dikemukakan melalui Borang Maklumbalas Pelanggan di laman web www.hasil.gov.my

4. Sekiranya beliau ingin mendapatkan khidmat nasihat atau bantuan berhubung perkhidmatan LHDNM di masa hadapan, beliau boleh menghubungi talian bebas tol **1-800-88-5436 (LHDN)**.

5. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Harian Metro atas peluang ini dalam memberi maklumbalas berkenaan aduan di atas.

Sekian,terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(NOR AZIRAH MOHD SAID)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat
Jabatan Khidmat Korporat

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif / Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia